

Headline	Butik Softique Clozet		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Jul 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	9	ArticleSize	537 cm ²
AdValue	RM 18,511	PR Value	RM 55,533



Butik Softique Clozet

» Beri peluang peniaga dalam talian tingkatkan jualan

Oleh Fatim Hafiza Mohd Shahar

Jualan barangan keperluan harian dan kelengkapan diri secara dalam talian semakin berkembang. Tidak kira untuk fesyen, keperluan dapur atau makanan, semuanya boleh dibeli tanpa perlu bersusah payah keluar berhadapan dengan kesesakan lalu lintas.

Seiringan permintaan pembelian dalam talian yang semakin meningkat, ramai individu mula berjinak-jinak mengusahakan perniagaan itu bermula daripada kecil-kecilan hinggalah mampu menjana pendapatan luar jangkaan.

Aliran membeli-belah secara dalam talian biarpun semakin digemari, namun bagi sesetengah pengusaha, peluang untuk memasarkan produk mereka menjadi cabaran utama jika tidak memiliki strategi perniagaan yang tepat.

Jadi, hadir sebagai peng-

antara bagi pihak penjual dengan pembeli, satu rangkaian butik baharu, Softique Clozet tampil membuka ruang baharu bagi membantu usahawan alam maya.

Akui pemilikinya, Sofiah Mohd Haniff, konsep butik dijalankan sejak dua bulan lalu itu bertujuan membantu mengembangkan perniagaan dalam talian, sekali gus memberi keselesaan kepada pelanggan.

Harga rendah

Dibantu oleh suami dan anak tunggalnya, graduan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (MBA) Universiti Utara Malaysia (UUM) itu berkata, cabaran lazim yang dihadapi penyewanya adalah mencapai sasaran pasaran produk diketengahkan penjual.

“Softique Clozet mengentengahkan konsep pasaran produk dalam talian bermula daripada persalinan, keperluan wanita dan barangan

harian termasuk makanan, bukan saja untuk peniaga di sekitar Lembah Klang tetapi seluruh Malaysia.

“Di sini kami memberi sewa kepada peniaga dalam

talian untuk memasarkan produk dan tapak perniagaan pada harga rendah memandangkan kami tahu peniaga baharu lazimnya belum memiliki struktur kewangan kukuh.

“Jadi, kami juga bantu memberikan promosi baik dalam talian atau secara fizikal, menghantar pesanan dan memberi khidmat nasihat khusus untuk memikat hati pelanggan,” katanya ketika ditemui di premis itu di Bangsar, baru-baru ini.

Bantu pasarkan produk

Mempunyai penyertaan daripada hampir 25 pengusaha dalam talian buat masa ini, peniaga berusia 50 tahun itu berkata, penerimaan sewaan

masih lagi terbuka untuk musim perayaan ini, lebih-lebih lagi koleksi kuih raya dan persalinan.

Sehingga kini, Softique Clozet sudah mula memasarkan koleksi pakaian Muslimah, kasual, aksesori, kasut dan kuih raya beberapa jenama dalam talian terkenal antaranya Songket Anggun serta banyak lagi.

“Kami cuba memberi bantuan kepada peniaga dalam talian, sekali gus menerima kunjungan pelanggan untuk melihat sendiri koleksi ingin dibeli, di samping menyediakan ruang membeli-belah cukup selesa.

“Usaha menjalankan butik ini secara fizikal sehingga dua bulan amat membe-rangsangkan dan mungkin dalam tempoh terdekat, kami dapat membantu lebih ramai lagi peniaga dalam talian untuk memasarkan produk mereka,” katanya.

Headline	Butik Softique Clozet		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Jul 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	9	ArticleSize	537 cm ²
AdValue	RM 18,511	PR Value	RM 55,533

INFO

Softique Clozet

- ⊙ **Butik ini menawarkan** sewa tapak untuk peniaga dalam talian.
- ⊙ **Memberikan keutamaan** kepada ibu tunggal dan suri rumah.
- ⊙ **Turut membantu** peniaga dari segi pemasaran dan penghantaran produk kepada pelanggan.
- ⊙ **Pelbagai barangan** keperluan wanita diketengahkan iaitu aksesori, kasut, hijab, koleksi busana hingga ke saiz XXL, kuih raya dan keperluan kanak-kanak serta sebagainya.
- ⊙ **Harga sewa** tapak di butik bermula dari RM80 hingga RM300 bergantung kepada produk.

Headline	Butik Softique Clozet		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Jul 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	9	ArticleSize	537 cm ²
AdValue	RM 18,511	PR Value	RM 55,533



“
Mengetengahkan
konsep pasaran
produk dalam
talian bermula
daripada
**persalinan,
keperluan
wanita dan
barangan
harian** termasuk
makanan”

Sofiah Mohd Haniff,
Pemilik

Headline	Butik Softique Clozet		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Jul 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	9	ArticleSize	537 cm ²
AdValue	RM 18,511	PR Value	RM 55,533

